

Terma & Syarat

Menangi percutian keluarga bernilai RM45,000 dengan Junior Savers

1 Definisi

- 1.1 Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

"Kumpulan AmBank" merujuk kepada semua Syarikat dan Syarikat Bersekutu yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan terhadap 'Kumpulan AmBank' dalam terma dan syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

"Bank" merujuk kepada AmBank (M) Berhad (No Syarikat: 8515-D) ("AmBank") atau AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat: 295576-U) ("AmBank Islamic"), dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"Peraduan" merujuk kepada "Menangi percutian keluarga bernilai RM45,000 dengan Junior Savers" yang dianjurkan oleh Bank mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.

"Hari" bermaksud Isnin hingga Jumaat dan pada bila-bila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

"Diuntukkan" bermaksud untuk mengunci jumlah deposit untuk tempoh tertentu seperti yang dikehendaki di bawah tempoh diuntukkan Peraduan ini.

"Akaun Simpanan Kanak-Kanak" merujuk kepada Akaun Savers' G.A.N.G., Akaun-i Savers' GA.N.G. dan Akaun AmGenius (layak untuk perlindungan oleh PIDM), yang merupakan produk yang ditawarkan di bawah Peraduan ini dan adalah akaun Amanah.

"Sedia Ada Kepada Produk" merujuk kepada pelanggan sedia ada:

- (a) yang memegang akaun Akaun AmGenius/Akaun Savers' G.A.N.G./Akaun-i Savers' GA.N.G.;
- (b) yang menutup Akaun Simpanan Kanak-Kanak 3 (tiga) bulan sebelum Peraduan ini bermula.

"Baharu Kepada Produk" merujuk kepada pelanggan baharu atau sedia ada yang baharu membuka Akaun AmGenius/Akaun Savers' G.A.N.G./Akaun-i Savers' GA.N.G.

"Notis Terdahulu" bermaksud notis oleh Bank berkenaan fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya 3 (tiga) hari kalendar.

"Perbankan Runcit" merujuk kepada perbankan konsumer untuk pelanggan individu dan pelanggan bukan individu.

"Pelanggan Yang Layak" merujuk kepada pelanggan individu Bank daripada Perbankan Runcit yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur di bawah 18 tahun.

Perkataan yang menggambarkan individu adalah merangkumi mereka yang masih hidup, dan sekiranya dan di mana berkenaan, pertubuhan atau mereka yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang membawa maksud mufrad juga hendaklah merangkumi maksud jamak dan sebaliknya. Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki hendaklah merangkumi jantina perempuan dan jantina neuter.

- 1.2 Istilah "Perbadanan Bersekutu" mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan kepadanya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan. Istilah "Syarikat Yang Berkaitan" pula mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan kepadanya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

2 Tempoh Peraduan

- 2.1 Peraduan ini akan **bermula pada 1 Disember 2018 dan berakhir pada 30 April 2019** (merangkumi kedua-dua tarikh ("Tempoh Peraduan")). Pihak Bank berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Peraduan atas budi bicara mutlaknya dengan memberikan Notis Terdahulu.

Terma & Syarat
Menangi percutian keluarga bernilai RM45,000 dengan Junior Savers

3 Mekanik Peraduan

3.1 Hadiah Peraduan

Kategori	Hadiah	Jumlah Pemenang
Hadiah Utama	1 x Perjalanan ke Hong Kong Disneyland	2 Dewasa & 1 Kanak-kanak*
Hadiah Pertama	1 x Perjalanan ke Universal Studio Singapura	2 Dewasa & 1 Kanak-kanak*
Hadiah Kedua	1 x Perjalanan ke Sunway Lagoon	2 Dewasa & 1 Kanak-kanak*
Hadiah Bulanan	20 x Pas Kemasukan KidZania (untuk setiap bulan Peraduan)	100 Kanak-kanak

* Nota: Untuk tujuan Peraduan ini, perkataan 'Kanak-Kanak' merujuk kepada mana-mana kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun.

3.2 Setiap Pelanggan Yang Layak hanya boleh memenangi 1 (Satu) Hadiah Bulanan dan 1 (Satu) Hadiah Utama/Pertama/Kedua di bawah Peraduan ini di sepanjang Tempoh Peraduan.

3.3 Peraduan ini terbuka kepada semua Pelanggan Yang Layak yang membuka Akaun Simpanan Kanak-Kanak dengan deposit permulaan minimum RM100 (Satu Ratus Ringgit Malaysia) ke dalam akaun tersebut dengan Bank semasa pembukaan akaun (rujuk klausa 1.21 dalam Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan).

a. Kelayakan

- i. Produk yang layak yang turut serta di bawah Peraduan ini adalah Akaun Simpanan Kanak-Kanak i.e. Akaun Savers' G.A.N.G., Akaun-i Savers' GA.N.G. dan Akaun AmGenius (layak untuk perlindungan oleh PIDM).
- ii. Kakitangan Kumpulan AmBank dan ahli keluarga terdekat mereka iaitu suami/isteri dan anak **TIDAK** layak untuk menyertai Peraduan ini kecuali untuk Kategori Hadiah Khas di bawah klausa 4.

b. Penyertaan Peraduan

- i. Peraduan ini tersedia untuk penempatan yang dibuat melalui kaunter sahaja di mana-mana cawangan AmBank atau AmBank Islamic di Malaysia. Penyertaan peraduan adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah:

Jenis Pelanggan	Syarat Kelayakan	Penyertaan
Baharu Kepada Produk	Membuka Akaun Simpanan Kanak-Kanak yang baharu dengan deposit minimum RM100.	10
Baharu atau Sedia Ada Kepada Produk	Setiap Baki Purata Bulanan dengan deposit tambahan sebanyak RM500 dan ke atas di dalam setiap Akaun Simpanan Kanak-Kanak dalam setiap bulan Peraduan.	1

- ii. Pelanggan Yang Layak mesti membuka mana-mana Akaun Simpanan Kanak-Kanak (rujuk klausa 1.1) dengan deposit permulaan RM100 (Satu Ratus Ringgit Malaysia) untuk layak mendapat 10 (sepuluh) penyertaan.
- iii. Pelanggan Yang Layak hendaklah mengekalkan Baki Purata Bulanan Tambahan sebanyak RM500 (Lima Ratus Ringgit Malaysia) dan ke atas dalam Akaun Simpanan Kanak-Kanak (rujuk klausa 3.3) di dalam mana-mana bulan Peraduan untuk layak mendapat 1 (Satu) penyertaan.
- iv. Baki Purata Bulanan Tambahan hendaklah dikira pada peringkat pelanggan, tanpa mengira bilangan Akaun Simpanan Kanak-kanak yang dipegang oleh Pelanggan Yang Layak dengan Bank. Contohnya, jika Pelanggan Yang Layak mempunyai satu Akaun AmGenius dan satu Akaun Savers' G.A.N.G., Baki Purata Bulanan Tambahan dikira berdasarkan kedua-dua akaun tersebut.

Terma & Syarat

Menangi percutian keluarga bernilai RM45,000 dengan Junior Savers

- v. Baki Purata Bulanan Tambahan adalah ditakrifkan sebagai deposit tambahan di dalam Akaun Simpanan Kanak-Kanak. Formulanya adalah Baki Purata Harian ("BPH") di dalam Akaun Simpanan Kanak-Kanak semasa Tempoh Peraduan, tolak baki penutup dalam Akaun Simpanan Kanak-Kanak sehari sebelum Tempoh Peraduan bermula. Untuk Pelanggan Yang Layak yang Baharu Kepada Produk yang membuka Akaun Simpanan Kanak-Kanak semasa Tempoh Peraduan, asas untuk mengira Baki Purata Bulanan adalah RM0.00 (Ringgit Malaysia Sifar). Formula tersebut adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Jenis Pelanggan	Formula
Baharu Kepada Produk	<p>Bulan Pertama Akaun Dibuka: Asas RM0.00</p> $\frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dalam sebulan}}{\text{Bilangan Hari sejak akaun dibuka}} = \text{Deposit Tambahan}$
	<p>Bulan Berikutnya:</p> $\frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dalam sebulan}}{\text{Bilangan Hari dalam sebulan}} = \text{BPH}$
	$\text{BPH} - \text{Menutup BPH dalam Bulan Pertama/Sebelumnya} = \text{Deposit Tambahan}$
Sedia Ada Kepada Produk	<p>Bulan Pertama dinyatakan pada 1 Disember 2018:</p> $\frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dalam sebulan}}{\text{Bilangan Hari dalam sebulan}} = \text{BPH}$
	$\text{BPH} - \text{Menutup BPH pada 30 November 2018} = \text{Deposit Tambahan}$
	<p>Bulan Berikutnya:</p> $\frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dalam sebulan}}{\text{Bilangan Hari dalam sebulan}} = \text{BPH}$
	$\text{BPH} - \text{Menutup BPH dalam Bulan Sebelumnya} = \text{Deposit Tambahan}$

c. Kira Unta

- i. Pelanggan Yang Layak hendaklah mengira jumlah unta di dalam gambar yang disediakan untuk memenuhi syarat untuk Peraduan ini dan sebagai usaha tambahan untuk memenangi Peraduan ini.
 - ii. Gambar "Kira Unta" akan disediakan di dalam risalah Peraduan, cawangan AmBank/AmBank Islamic, laman sesawang rasmi AmBank atau media sosial seperti laman Facebook AmBank dan Instagram AmBank.
 - iii. Kaedah menjawab jumlah kiraan unta adalah melalui penghantaran Perkhidmatan Mesej Ringkas (SMS) dengan menaip JUNIOR<ruang>Jawapan dalam angka<ruang>12 digit NRIC/MyKid Pelanggan Yang Layak tanpa ruang dan menghantar kepada "66300".
- iv. Penghantaran SMS hendaklah dianggap sebagai pendaftaran secara automatik dan minat untuk menyertai Peraduan ini. Pelanggan Yang Layak yang tidak menghantar SMS adalah tidak layak untuk Hadiah Peraduan. Setiap Pelanggan Yang Layak berhak untuk menghantar 1 (satu) SMS sahaja dalam Tempoh Peraduan.

Terma & Syarat

Menangi percutian keluarga bernilai RM45,000 dengan Junior Savers

- v. Apabila SMS yang sah berjaya diterima daripada Pelanggan Yang Layak, notis pengesahan akan dihantar oleh Bank menerusi SMS seperti berikut:
RM0.00 AmBank/AmBank Islamic: Terima kasih kerana menyertai Peraduan Junior Saver kami. Jawapan dan penyertaan anda akan diproses. Tertakluk Terma dan Syarat.
- vi. Pelanggan Yang Layak yang menghantar SMS yang tidak sah akan menerima balasan SMS berikut daripada Bank:
RM0.00 AmBank/AmBank Islamic: Format tidak sah. Sila hantar semula dgn betul sebelum 31/03/19: JUNIOR<ruang>Jawapan dlm angka<ruang>12 digit NRIC/MyKid ke 66300.
- vii. Tiada apa-apa balasan akan dihantar oleh Bank jika nombor SMS yang digunakan oleh Pelanggan Yang Layak tidak seperti yang dinyatakan di sini.

d. **Mekanisme Pemilihan Pemenang Peraduan**

Untuk Hadiah Peraduan, Pelanggan Yang Layak yang disenarai pendek akan diekstrak seperti di bawah:

- i. Pelanggan Yang Layak akan dipadankan dengan jawapan SMS yang dihantar oleh Pelanggan Yang Layak. Pelanggan Yang Layak yang menjawab bilangan unta dengan betul akan disenaraikan di antara Pelanggan Yang Layak yang disenaraipendekkan.
- ii. Pelanggan Yang Layak akan mendapat Penyertaan mengikut peraturan Peraduan seperti dinyatakan di bawah klausa 3.3 b.
- iii. Setiap penyertaan akan diberikan pengecam unik yang tidak diduplikasikan dan tidak mengikut turutan. Pengecam unik ini akan dihasilkan oleh Aplikasi Perisian Statistik (SAS).
- iv. Jumlah penyertaan kemudiannya akan disusun dalam turutan menaik untuk Hadiah Utama, Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua.
- v. Senarai Pelanggan Yang Layak yang disenarai pendekkan akan dijana menggunakan program fungsi persampelan SAS.
- vi. Sekiranya terdapat duplikasi di dalam nama pemenang, baris seterusnya di dalam senarai pendek tersebut akan menjadi pemenang.
- vii. Pemilihan Pemenang Berpotensi akan dijalankan dalam tempoh 90 (Sembilan Puluh) hari dari tarikh terakhir Tempoh Peraduan atau pada bila-bila masa yang dianggap sesuai dan wajar oleh Bank.
- viii. Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengubah/menyemak/meminda kriteria/mechanisme/proses pemilihan seperti yang dianggap sesuai dan perlu pada bila-bila masa.
- ix. Nama pemenang akan dipaparkan di laman sesawang menerusi www.ambank.com.my atau apa-apa cara komunikasi lain atau sebarang bentuk media yang akan dipilih oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknya.
- x. Pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya Pelanggan Layak yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.
- xi. Pada masa pemilihan sehingga dan termasuk pada hari Hadiah Peraduan diberikan, tertakluk pada kepuasan pihak Bank, Akaun Simpanan Kanak-Kanak pemenang yang berkaitan MESTI tetap terbuka, aktif dan sah, yang mana jika gagal, Bank di dalam menjalankan budi bicara tunggal dan mutlaknya, akan membatalkan kelayakan pemenang tersebut. Status aktif bermaksud mesti terdapat sekurang-kurangnya 1 (satu) transaksi yang berasal daripada pelanggan dalam tempoh 12 (dua belas) bulan yang lalu (contohnya Transaksi melalui Kaunter ("OTC"), Arahan Tetap ("SI") dan transaksi melalui Mesin Layan Diri) yang dijalankan oleh pemegang akaun, yang mana sekiranya gagal, Pelanggan Yang Layak akan hilang kelayakan.

Terma & Syarat

Menangi percutian keluarga bernilai RM45,000 dengan Junior Savers

e. Penebusan Hadiah Peraduan

- i. Pemenang Hadiah Peraduan ini akan dikehendaki menghadiri dan mengambil bahagian dalam Majlis Penyampaian Hadiah untuk menebus Hadiah Peraduan dan/atau sebarang acara promosi yang dianjurkan oleh Bank pada sebarang tarikh dan masa yang akan ditentukan oleh Bank.
- ii. Pemenang akan diberitahu oleh Bank menerusi Surat Pengesahan Hadiah Peraduan yang akan dialamatkan kepada Pemegang Amanah pemenang berdasarkan butiran pemenang yang disimpan di dalam rekod Bank berhubung dengan tarikh, waktu dan tempat tertentu di mana Majlis Penyampaian Hadiah dan/atau sebarang acara promosi akan diadakan oleh Bank dalam tempoh 30 (tiga puluh) hari dari tarikh pengumuman pemenang menerusi www.ambank.com.my atau pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh Bank.
- iii. Bank akan menghubungi Pemegang Amanah pemenang untuk mengesahkan kehadiran ke Majlis Penyampaian Hadiah melalui panggilan telefon menerusi nombor telefon Pemegang Amanah yang disimpan di dalam sistem Bank atau apa-apa bentuk komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
- iv. Sekiranya pemenang dan/atau Pemegang Amanah tidak dapat menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah, pemenang dan/atau Pemegang Amanah tidak dibenarkan menamakan proksi atau wakil untuk menghadiri acara itu dan ini akan menyebabkan pelucuthakan Hadiah dan yang seterusnya di dalam senarai pendek akan menjadi pemenang.
- v. Pemenang dan/atau Pemegang Amanah yang menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah dikehendaki untuk mematuhi sebarang peraturan dan ketetapan Bank.
- vi. Hadiah akan diberikan atau dikeluarkan atas nama pemenang dan tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau apa-apa jenis sedemikian.
- vii. Pemenang akan menanggung dan bertanggungjawab ke atas SEMUA kos sampingan yang berkaitan dengan penerimaan Hadiah termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai, bayaran insurans/takaful, yuran pendaftaran, yuran pemprosesan, yuran pentadbiran, caj bahan api, dan semua perbelanjaan sampingan lain.
- viii. Sekiranya pemenang menarik balik wang tambahan atau menutup akaun tersebut dalam Tempoh Peraduan atau semasa memenuhi Hadiah Peraduan, atas sebab apa pun, pemenang akan secara automatik dibatalkan kelayakannya.
- ix. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang permintaan tambahan seperti pakej perjalanan tambahan dan/atau sebarang kos tambahan untuk hadiah Peraduan, cukai, kos sampingan, caj dan/atau ganti rugi yang disebabkan oleh hadiah dan kegagalan memenuhi tanggungjawab oleh mana-mana ejen/pengedarnya.
- x. Bank tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima apa-apa bentuk liabiliti apa jua jenis dan walau apa pun yang timbul atau dialami oleh pemenang (termasuk kecuai) bersangkutan dengan kematian, kecederaan, apa-apa kerugian, ganti rugi atau kemalangan yang timbul daripada penggunaan hadiah yang dimenangi oleh pemenang.
- xi. Bank secara jelas tidak mengecualikan dan menafikan apa-apa representasi, jaminan atau pengendorsan, dinyatakan atau tersirat, bertulis atau lisan berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian hadiah. Bank juga tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian dengan pengilang atau pembekal hadiah dan pemenang akan berurusan secara langsung dengan agensi perjalanan atau pengeluar atau pembekal untuk semua maklumat waranti.
- xii. Bank mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan pemenang dan melucuthakkan Hadiah jika orang tersebut telah melakukan tindakan penipuan atau salah berhubung dengan akaunnya.

Terma & Syarat

Menangi percutian keluarga bernilai RM45,000 dengan Junior Savers

4 Kategori Hadiah Khas

Kategori Hadiah Khas dibuka kepada Pelanggan Baharu Kepada Produk dan Sedia Ada Kepada Produk di bawah Peraduan ini. Keperluannya adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Jenis Hadiah	Amaun Diuntukkan	Tarikh Diuntukkan	Kuantiti
Beg Sandang 13"	RM1,000	3 bulan	1,000 unit
Beg Beroda 17"	RM5,000	3 bulan	1,000 unit

- i. Pelanggan Baharu Kepada Produk atau Yang Sedia Ada Kepada Produk hendaklah membuat **deposit minimum sebanyak RM1,000 (Satu Ribu Ringgit Malaysia) dalam mana-mana Akaun Simpanan Kanak-Kanak dan Diuntukkan selama 3 (Tiga) bulan** untuk layak mendapat 1 (Satu) unit Beg Sandang.
- ii. Pelanggan Baharu Kepada Produk atau Yang Sedia Ada Kepada Produk hendaklah membuat **deposit minimum sebanyak RM5,000 (Lima Ribu Ringgit Malaysia) dalam mana-mana Akaun Simpanan Kanak-Kanak dan Diuntukkan selama 3 (Tiga) bulan** untuk layak mendapat 1 (Satu) unit Beg Beroda.
- iii. Terdapat **1,000 (Satu Ribu) unit setiap Jenis Hadiah yang akan diberikan atas dasar yang awal diutamakan dan tertakluk pada ketersediaan stok**, dan terhad kepada 1 (Satu) Hadiah daripada setiap Jenis Hadiah untuk setiap Pelanggan Yang Layak di sepanjang Tempoh Peraduan.
- iv. Hadiah Khas ini sedia untuk diambil oleh Pelanggan Yang Layak dalam masa 60 (Enam Puluh) hari selepas tempoh diuntukkan selama 3 (Tiga) bulan selesai. Hadiah boleh ditebus di cawangan pembukaan akaun seperti yang dalam terma dan syarat Peraduan ini.
- v. Pelanggan Yang Layak yang gagal untuk mengambil Hadiah di cawangan di mana deposit dilakukan selepas 30 (Tiga Puluh) hari dari pengumuman dibuat menerusi laman sesawang rasmi AmBank, Pelanggan Yang Layak akan dianggap telah melucutkan haknya terhadap Hadiah tersebut.
- vi. Bank berhak secara penuh untuk menambah, membuang atau menggantikan sebarang Hadiah dengan barangan dengan nilai runcit yang serupa dengan Notis Terdahulu kepada Pelanggan yang Layak.
- vii. Sekiranya Pelanggan Yang Layak menarik balik deposit sebelum tamat Tempoh Diuntukkan selama 3 (Tiga) bulan, Pelanggan Yang Layak tidak berhak menerima Hadiah Khas.
- viii. Pelanggan Yang Layak tidak dibenarkan untuk memilih reka bentuk, warna, jenis atau apa-apa pun berkenaan Hadiah Khas. Keputusan Bank adalah muktamad dan tiada surat-menyurat atau rayuan akan dilayan untuk menukar Hadiah Khas.
- ix. Hadiah Khas tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai, kredit atau apa-apa bentuk lain.
- x. Hadiah Khas yang akan diberikan di bawah Peraduan ini adalah tertakluk pada syarat-syarat berikut:
 - (a) Bank tidak bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Hadiah Khas yang hilang, rosak atau dicuri semasa penyerahannya dan/atau selepas penerimaannya oleh penerima;
 - (b) Bank tidak membuat sebarang perwakilan atau waranti berkenaan dengan Hadiah Khas, dan khususnya, tidak membuat jaminan berkenaan dengan kualiti Hadiah Khas, nilai atau kesesuaian untuk sebarang tujuan; dan;
 - (c) Bank tidak bergabung dengan organisasi yang produknya diberikan sebagai Hadiah Khas dalam Peraduan ini.

5 Umum

- 5.1 Dengan menyertai Peraduan ini, Pelanggan Yang Layak dan/atau mana-mana pihak yang dinyatakan di sini memberi kebenaran dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di dalam ini, untuk dibaca bersama dengan:
 - (a) Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan; dan

Terma & Syarat

Menangi percutian keluarga bernilai RM45,000 dengan Junior Savers

- (b) Terma dan Syarat Khusus Bagi Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i Berasaskan Komoditi Murabahah.
- 5.2 Tawaran Peraduan adalah tidak sah dengan mana-mana promosi lain yang ditawarkan oleh Bank. Tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain yang boleh diberikan di bawah Peraduan ini.
- 5.3 Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak, pada bila-bila masapun, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan ini dengan memberikan Notis Terdahulu tanpa perlu memberikan sebarang alasan.
- 5.4 Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan secara khusus di dalam ini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari masa ke semasa termasuk mengubah Tempoh Peraduan ini seperti yang difikirkan padan, perlu dan sesuai dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 5.5 Sebarang notis yang dikeluarkan oleh Bank akan dipaparkan menerusi laman sesawang rasmi Bank di www.ambank.com.my atau di cawangannya, dan notis berkenaan hendaklah disifatkan sebagai telah diberikan apabila dipaparkan di laman sesawang rasmi atau di cawangannya, yang mana lebih awal.
- 5.6 Bank mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan atau kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Peraduan ini sekiranya ia mendapati atau memutuskan bahawa:
- a) Pelanggan Yang Layak tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau melakukan penipuan atau kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses penyertaan atau di sepanjang Tempoh Peraduan; atau
 - b) Pelanggan Yang Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat ini.
- 5.7 Melainkan dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau perwakilan yang terkandung dalam mana-mana notis/promosi/bahan pengiklanan lain untuk Peraduan ini.
- 5.8 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan Peraduan ini adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan Yang Layak yang mengambil bahagian.
- 5.9 Tidak dalam mana-mana keadaan pun pihak Bank harus dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan, termasuklah tanpa had kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, kerosakan punitif atau khas bagi mana-mana pihak termasuklah pihak ketiga, walau bagaimana cara sekalipun ia timbul sama ada dalam kontrak, tort, kelalaian atau sebaliknya, berhubung dengan penyertaan di dalam Promosi ini atau setelah pihak Bank melaksanakan haknya di bawah terma & syarat ini, walaupun pihak Bank telah dinasihati tentang kemungkinan berlakunya kerugian sedemikian terlebih dahulu, semua kerugian sedemikian secara jelas dikecualikan.
- 5.10 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang keingkaran berkaitan dengan Peraduan ini disebabkan oleh sebarang bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa di luar kawalan munasabah Bank.
- 5.11 Semua terma dan syarat yang ditetapkan di sini akan ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.
- 5.12 Pelanggan Yang Layak dikehendaki melayari laman sesawang korporat Bank di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk versi terkini terma dan syarat ini, sekiranya ada.